

**ADVANCED INTERNATIONAL JOURNAL OF
BUSINESS, ENTREPRENEURSHIP AND SMES
(AIJBES)**www.aijbbs.com**PENERBITAN DOKUMENTARI DRAMA (DOKUDRAMA):
CABARAN PENERBITAN 'TAYANG SEMULA' DI MEDIA
SOSIAL DIGITAL. KAJIAN NARATIF LITERATUR***DOCUDRAMA PRODUCTION: CHALLENGES OF 'REBROADCASTING'
PROGRAMS ON DIGITAL SOCIAL MEDIA. A NARRATIVE LITERATURE STUDY*Mohamad Yusob Ismail^{1*}, Afeez Nawfal Mohd Isa², Ramlan Jantan³, Khairol Ezedi Abdul Rahman⁴

- ¹ Faculty of Communication and Creative Industry, Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TAR UMT), Malaysia
Email: mohamadyusob@taru.edu.my
- ² Faculty Of Art, Sustainability and Creative Industry, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia
Email: afeez@fskik.upsi.edu.my
- ³ Faculty Of Art, Sustainability and Creative Industry, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia
Email: ramlan@upsi.edu.my
- ⁴ Faculty Of Art, Sustainability and Creative Industry, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia
Email: khairolezedi@upsi.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 17.07.2024

Revised date: 04.08.2024

Accepted date: 27.08.2024

Published date: 10.09.2024

To cite this document:

Ismail, M. Y., Isa, A. N. M., Jantan, R., & Abdul Rahman, K. E. (2024). Penerbitan Dokumentari Drama (Dokudrama): Cabaran Penerbitan 'Tayang Semula' Di Media Sosial Digital. Kajian Naratif Literatur. *Advanced International Journal of Business Entrepreneurship and SMEs*, 6 (21), 88-98.

Abstract:

Penerbitan dokumentari berkembang pesat dengan evolusi teknologi. Dokudrama, sebagai genre kacukan, memperkayakan pengalaman penonton dengan menggabungkan elemen fakta dan fiksi, memberikan pengalaman menonton yang unik. Penerbitan dokudrama melibatkan naratif seimbang antara realiti dan fiksi dramatik, menciptakan genre "hybrid" yang menarik perhatian penonton dengan membangkitkan emosi dan keterlibatan watak dalam isu yang diketengahkan. Penggunaan media sosial sebagai platform untuk penerbitan dokudrama membawa cabaran tersendiri. Kebebasan penonton media sosial dalam memilih kandungan, bersama dengan perbezaan budaya dan perbezaan cara menonton, dapat mempengaruhi penerimaan dan keterlibatan penonton. Selain itu, pengaruh media sosial terhadap tingkah laku penonton dan pembentukan komuniti dalam talian juga menjadi aspek penting terhadap tayangan semula dokudrama ini. Cabaran penerbitan tayang semula dokudrama di media sosial juga melibatkan perbezaan dalam penerimaan kandungan komersial dan kandungan semasa. Penyesuaian kepada trend menonton video pendek dan adaptasi terhadap struktur penceritaan menjadi penting dalam usaha menjana minat penonton media sosial. Selain itu, faktor hak cipta, ketepuan penontonan, dan persepsi terhadap tayangan semula juga

DOI: 10.35631/AIJBS.621007

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

menjadi faktor yang perlu diberi perhatian. Makalah ini menggunakan metodologi penelitian desk research atau kajian literatur berbentuk naratif.

Kata Kunci:

Dokudrama; Media Sosial; Penerimaan Penonton, Naratif Literatur

Abstract:

Documentary production is rapidly evolving with technological advancements. Docudrama, as a hybrid genre, enriches the viewing experience by blending factual and fictional elements, providing a unique watching experience. Docudrama production involves a balanced narrative between reality and dramatic fiction, creating a "hybrid" genre that captures audience attention by evoking emotions and engaging characters in highlighted issues. The use of social media as a platform for docudrama production presents its own challenges. The freedom of social media audiences to choose content, along with cultural differences and varied viewing habits, can influence audience reception and engagement. Additionally, the impact of social media on audience behavior and the formation of online communities are important aspects of docudrama replays. Challenges in docudrama replays on social media also involve differences in the reception of commercial and current content. Adapting to trends in short video viewing and adjusting narrative structures is crucial in generating interest among social media viewers. Moreover, factors such as copyright, viewing saturation, and perceptions of replays also need attention. This paper employs a desk research methodology or literature review in narrative form.

Keywords:

Docudrama; Social Media; Audience Reception; Narrative Literature

Pendahuluan

Dokumentari adalah salah satu daripada bahagian yang penting dalam industri perfileman yang diterbitkan di garisan tengah antara sebuah kisah fiksi dan kisah realiti untuk menceritakan tentang peristiwa sebenar dari perspektif subjektif (Mukherjee, 2022). Penerbit filem dokumentari menunjukkan kreativiti mereka dengan menggabungkan pelbagai teknik dalam penerbitan dokumentari mereka seperti menggunakan kaedah lakonan semula dan juga animasi bagi menjadikan dokumentari mereka lebih kreatif untuk tatapan masyarakat (Ros et al., 2018).

Menurut Bruzzi (2000), dokumentari telah mengalami evolusi dari bentuk yang primitif kepada menjadi lebih kompleks dan canggih. Kemajuan teknologi pada masa kini telah memberikan impak besar kepada penerbitan dokumentari, membuka pintu ke arah halatuju yang baru atau dengan lebih tepat, konsep dokumentari ketika ini telah menjadi lebih terbuka luas serta membawakan pelbagai tema dengan kaedah penyampaian yang semakin menarik. Perubahan teknologi dalam produksi dokumentari ini telah meningkatkan kualiti, membolehkan kepelbagaian penggunaan bentuk dan gaya, dan memungkinkan dokumentari mengambil pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif dalam penyampaian, menjadikan penghasilan dan penayangan dokumentari semakin berkualiti dan memberikan kesan yang lebih besar kepada penonton.

Bieniek-Tobasco et al. (2019) menyatakan bahawa media berbentuk filem terutamanya dokumentari mempunyai potensi yang besar untuk menggabungkan beberapa strategi

komunikasi, termasuk penggunaan imej, maklumat saintifik, dan naratif untuk memanfaatkan daya tarikan kognitif dan emosi, yang memudahkan penonton memahami isu yang diketengahkan.

Melalui kombinasi antara imej, naratif, dan muzik dalam filem, gabungan ini dilihat berpotensi untuk menarik perhatian penonton serta memberikan maklumat secara efektif. Kebolehan media filem untuk menggabungkan strategi komunikasi yang berbeza ini juga turut memberikannya ruang lingkup yang lebih luas untuk media seperti ini mempengaruhi penonton, baik dari segi intelektual mahupun emosi, terutamanya melalui penerbitan filem dokumentari (Bieniek-Tobasco et al., 2019).

Objektif dan Metod Penelitian

Objektif utama makalah ini adalah mengenalpasti beberapa isu utama cabaran penerbitan rancangan dokumentari dalam bentuk 'tayang semula' didalam platform medium baharu. Selain itu, melalui kajian naratif literatur, makalah ini membantu dalam membentuk pemahaman terhadap cabaran dan isu penerbitan 'tayang semula' melalui tema perbincangan berdasarkan topik perbincangan yang dikenalpasti melalui metod penelitian kajian literatur naratif.

Metod Penelitian yang digunakan adalah kajian naratif literatur. Pendekatan kajian literatur pada asasnya menurut Runtiko (2021) mempunyai empat jenis iaitu kajian literatur tradisional atau naratif, sistematik, meta-analisis dan meta-sintesis. Prosedur yang digunakan oleh jenis kajian literatur ini memberi penekanan tentang latar belakang literatur yang komprehensif dengan penekanan pada kajian-kajian lepas.

Prosedur yang digunakan oleh jenis kajian literatur ini adalah penyajian latar belakang literatur yang komprehensif dengan penekanan pada kajian-kajian terkini, mengenalpasti jurang dengan realiti terkini, atau pengenalan kepelbagaian teoritis. Jenis kajian literatur ini dapat membantu dalam membina kerangka teoritis dan konseptual serta memandu sebuah penyelidikan yang berkait rapat dengan ruang lingkup perbincangan makalah ini. Pendekatan ini juga menekankan kepada perbincangan berbentuk konseptual, teoritis dan praktis. Jenis kajian literatur ini dapat membantu dalam membina kerangka teoritis dan konseptual serta memandu penyelidikan berkaitan rancangan dokumentari 'tayang semula' dalam platform media baharu. (Rajah 1.0) menjelaskan prosedur asas kajian literatur naratif. Pendekatan ini digunakan melalui kaedah yang dinyatakan oleh Arshed dan Danson (2015).

Penyediaan Kajian-kajian Lepas

↓
Menenalpasti jurang dan tema

↓
Menjelaskan jurang dan tema

↓
Perbincangan Teoritis

(Rajah1.0: Prosedur Kajian Naratif Literatur Arshed & Danson (2015))

Dapatan dan Perbincangan

Dokumentari Drama Sebagai Genre Kacukan (Hybrid Genre)

Penerbitan dokumentari bergenre docudrama dilihat oleh para penerbit sebagai satu gabungan elemen-elemen tertentu yang menumpukan kepada penceritaan visual dan menekankan kualiti unik docudrama dalam genre dokumentari (Trihastutie, 2022).

Menurut Stsiazhko (2021), docudrama adalah fenomena yang terhasil melalui televisyen dengan menggabungkan inovasi moden daripada bidang perfileman. Penerbitan docudrama membolehkan maklumat berbentuk teks diubahsuai menjadi pengalaman audio-visual yang mampu menyampaikan emosi, menarik perhatian, dan tepat pantas menjadikannya mempunyai ciri-ciri yang sama seperti penerbitan skrin yang lain. Malah, seperti bentuk penerbitan skrin lain, docudrama berupaya membentuk imej yang dapat membangkitkan emosi tertentu melalui kemampuannya untuk menyajikan kandungan bersifat sejarah dan membawa maklumat secara menarik dan mudah difahami lagi pula boleh membuat penonton berfikir serta mencipta kesimpulan mereka sendiri (Stsiazhko, 2021).

Emilika (2019) menegaskan bahawa dalam menghasilkan sebuah karya dalam genre dokumentari khususnya dokumentari drama, perlu kepada satu penelitian yang rapi terutamanya dari sudut pembinaan naratif yang harus digabungkan diantara realiti informasi kandungan serta penceritaan yang memerlukan kepada gaya lakonan berbentuk fiksyen bagi menambahkan lagi minat dan penerimaan penonton terhadap sebuah karya dokumentari drama. Dengan itu dalam usaha menghasilkan sebuah dokumentari drama yang baik, penerbitan dokumentari drama harus mengambil kira keseimbangan naratif diantara pemaparan realiti yang mencakupi hal yang berkaitan fakta serta disulamkan dengan keindahan fiksyen yang perlu direka cipta.

Dalam memahami keseimbangan penggunaan struktur penceritaan atau naratif, Samer (2018) menerangkan bahawa dokumentari drama atau dokudrama pada kebiasannya dihasilkan untuk kaandungan yang berbentuk pensejarahan yang cuba menerangkan satu situasi dalam sesuatu

fakta sejarah atau peristiwa. Penggabungan diantara struktur naratif berbentuk dokumentasi yang bersifat fakta serta keadaan konflik sesuatu situasi berdasarkan fakta sejarah yang dipaparkan dalam bentuk dramatik. Ini membentuk sebuah genre yang bersifat kacukan atau dikenali sebagai 'hybrid genre'. Keunikan penghasilan dokudrama ini dilihat dipengaruhi dari kaedah penghasilan atau penerbitan teater dan juga sinema.

Brylla dan Kramer (2018) pula mengatakan bahawa dokumentari adakalanya dianggap tidak mampu membangkitkan emosi penonton melalui elemen keterlibatan watak seperti yang ditonton melalui naratif fiksyen, namun anggapan ini perlu dikaji semula untuk bentuk-bentuk dokumentari seperti dokumentari yang mengetengahkan watak dalam penceritaan dan dokumentari drama, iaitu sebuah genre dokumentari yang mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan filem fiksyen. Dokumentari drama memfokuskan pada watak dan kehidupan sebenar manusia di dalam penerbitannya dilihat dapat membangkitkan emosi penonton dan memberi pengalaman yang lebih mendalam kepada penonton berbanding filem fiksyen.

Menurut Hidayah, Rusnaini dan Winarno (2016), dokumentari drama adalah salah satu daripada inovasi media yang mampu membantu untuk meningkatkan minat masyarakat untuk mempelajari sesuatu perkara. Hal ini kerana dokumentari drama memberi kelebihan kepada

penonton untuk belajar melalui pengamatan langsung, memperoleh pembelajaran yang lebih inovatif, dan dapat mengembangkan sikap, perbuatan serta kemahiran menyelesaikan masalah. Oleh itu, dokumentari drama boleh dipertimbangkan sebagai salah satu media yang dapat membantu masyarakat dalam memahami sesuatu perkara dengan lebih efektif dengan menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan dan bermakna.

Selain daripada itu, genre ini telah menjadi komponen penting dalam landskap filem dan televisyen, menawarkan kandungan penerbitan yang lebih menarik dan merangsang pemikiran penonton melalui gabungan unik penceritaan fakta dan elemen dramatik (Mast, 2009).

Evolusi genre dokumentari ke dokumentari drama ini menunjukkan perubahan daripada teknik penerbitan dokumentari tradisi kepada penerbitan dokumentari yang lebih moden dan diyakini lebih mendapat tempat dalam kalangan penonton. Perubahan yang seiring dengan perkembangan teknologi komunikasi ini dapat memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat. Ini terutamanya apabila berlakunya usaha penerbitan berbentuk tayang semula yang diusahakan oleh penggiat industri televisyen komersial termasuklah syarikat televisyen tempatan.

Dokudrama Dan Platform Media Sosial

Mahoney dan Tang (2016), mengatakan bahawa perkembangan teknologi ini dapat membangunkan warga masyarakat yang lebih berpengetahuan dan berinformasi lantas dapat membawa peluang yang lebih besar untuk perubahan sosial yang positif dalam kalangan masyarakat daripada sebelum ini. Selain itu, teknologi juga memudahkan komunikasi dan perkongsian maklumat, memberikan platform yang lebih besar untuk membincangkan isu-isu sosial dan menggalakkan usaha-usaha untuk perubahan ke arah yang lebih baik. Dengan pengetahuan dan kesedaran yang lebih baik, warga masyarakat dapat berperanan secara aktif dalam memperjuangkan isu-isu sosial dan membina masyarakat yang lebih maju dan sejahtera.

Antara perkembangan teknologi yang boleh dilihat dengan ketara pada hari ini adalah perkembangan teknologi di platform media sosial.

Platform media sosial telah menjadi bahagian penting dalam pelbagai lapisan masyarakat melalui pelbagai kaedah antaranya pendidikan, pemasaran, dan perhubungan awam (Nchabeleng et al., 2018). Platform ini menawarkan ruang digital untuk kandungan yang dihasilkan sendiri oleh pengguna dan juga membolehkan interaksi dalam kalangan pengguna itu sendiri lantas mewujudkan hubungan dan komunikasi di kalangan mereka di peringkat global (Fair & Wesslen, 2019). Selain itu, platform media sosial juga dilihat berperanan dalam menyebarkan maklumat serta dapat mempengaruhi sesuatu keputusan yang dibuat oleh seseorang individu. (Bojor & Cîrdei, 2022; Grover, Kar & Dwivedi, 2022).

Junco et al. (2010) mengatakan bahawa penggunaan platform media sosial sebagai alat pendidikan telah menunjukkan kesan positif untuk meningkatkan penglibatan pelajar dan menunjukkan potensi bagi membantu proses pembelajaran mereka.

Selain daripada itu, perkembangan teknologi platform sosial media kini membolehkan penghasilan dan penayangan dokumentari di platform digital lantas memudahkan aksesibilitinya kepada pengguna dimana sahaja mereka berada. Dalam konteks ini, Bruzzi (2000) menekankan bahawa teknologi bukan sahaja memudahkan proses penghasilan

dokumentari, malah membolehkan dokumentari mencapai khalayak yang lebih luas dan beraneka ragam, serta memberi impak yang lebih signifikan dalam penyampaianya.

Justeru, integrasi penerbitan dokumentari yang dahulunya hanya disiarkan melalui platform konvensional, kini beralih kepada platform media baharu. Peralihan ini telah mengukuhkan penerbitan karya media massa konvensional ke platform digital baharu, yang dilihat akan turut membantu memanjangkan hayat penerbitan dokumentari televisyen termasuk di Malaysia. Hal ini kerana menurut Moe, Poell & Dijck (2015), dengan wujudnya platform media sosial telah membuka kepada lanskap baharu penerbitan industri filem dan televisyen di dunia. Keadaan ini dijelaskan sebagai aplikasi sistem 'second screen' yang membuka ruang kepada penerimaan yang lebih meluas genre dokumentari dikalangan penonton.

Audiens Dan Media Sosial

Menurut Delli Carpini dan Keeter (1996), media sosial telah terbukti memberi kesan yang besar terhadap tingkah laku penonton dalam membuat keputusan kerana media sosial dapat membentuk pendapat umum dan mempengaruhi wacana politik serta sosial. Selain itu, media sosial juga dapat menyediakan platform bagi masyarakat untuk berhubung dan berkomunikasi dengan orang lain lantas memupuk rasa sokongan masyarakat dan sosial (Baumeister & Leary, 1995).

Menurut Siti dan Azizah (2010), media sosial ketika ini telah berkembang menjadi tempat mengumpulkan golongan yang mempunyai minat dan keinginan yang sama, meluahkan pendapat masing-masing dan selain itu juga menjadi saluran untuk bertindak terhadap sesuatu perkara. Hal ini berketetapan dengan ciri-ciri yang terdapat pada platform media sosial seperti Facebook, Twitter, dan Instagram yang kini telah memberi peluang baru untuk penglibatan dan interaksi penonton. Perkara ini telah membawa kepada pengembangan bentuk komuniti dalam talian baru dan peningkatan budaya influencer, di mana individu dengan pengikut besar di media sosial dapat membentuk pendapat umum dan mempromosikan produk dan idea.

Menurut Zainab, Dania dan Nurazmallail (2019), media sosial ketika ini digunakan dengan sangat meluas dalam kalangan masyarakat. Pengguna sosial media ketika ini lebih mudah untuk mendapat akses kepada pakar-pakar di dalam sesuatu bidang iaitu dengan hanya melakukan carian pantas di platform media sosial masing-masing. Hal ini kerana pakar-pakar berkaitan maklumat yang ingin diketahui juga turut menggunakan sosial media sebagai saluran perbincangan.

Selain daripada itu, dengan kaedah menganalisis kandungan dan penglibatan audiens di platform media sosial seperti Instagram dapat membantu untuk memahami strategi yang lebih berkesan untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat (Nafsyah et al., 2022). Proses ini melibatkan analisis mendalam terhadap jenis kandungan yang mendapat perhatian audiens dan cara mereka berinteraksi dengan kandungan tersebut. Dengan memahami keutamaan audiens, pihak berkepentingan dapat merangka satu mesej yang lebih jelas, menarik, dan relevan serta mampu meningkatkan keberkesanan komunikasi mesej yang ingin disampaikan melalui media sosial (Nafsyah et al., 2022).

Perkara ini menyumbang kepada faktor yang menjadikan media sosial sebagai salah satu aspek penting dalam masyarakat masa kini kerana kandungan-kandungan yang disiarkan oleh media sosial lebih mudah diterima oleh masyarakat. Setiap penerbitannya mengambil kira kemahuan audiens itu sendiri, menjadikan ia lebih relevan dan menarik. Menurut Andreana (2020) pula,

media sosial kini berjaya mendapat tempat di kalangan pengguna kerana ia memberikan peluang kepada mereka untuk menghasilkan kandungan sendiri dan menjalin hubungan dengan pengguna lain yang mempunyai minat yang sama. Situasi ini menunjukkan bahawa media sosial telah beradaptasi dengan keperluan pengguna untuk mempunyai hubungan sosial antara satu sama lain lantas memperkukuh lagi peranannya dalam kehidupan harian segenap lapisan masyarakat.

Cabaran Penerbitan Tayang Semula.

Cabaran utama genre kacukan seperti docudrama dapat dilihat dari beberapa aspek berdasarkan kajian literatur yang dilakukan. Antara cabaran utama yang dapat dibincangkan adalah menerusi tiga aspek utama iaitu:

- i. Penerimaan penonton media baharu
- ii. Perbezaan Budaya
- iii. Kandungan Komersial vs Kandungan semasa
- iv. Faktor lain

Penerimaan Penontonan Media Baharu

Kajian awal dari Moe, Poell & Dijck (2015) mendapati bahawa integrasi kandungan televisyen dan media sosial pada asasnya akan membawa kepada kesan penerimaan yang berbeza dari segi gaya dan tingkahlaku pengguna media sosial yang dilihat begitu bebas dalam menentukan sebarang bentuk penontonan rancangan yang asalnya disiarkan dalam televisyen. Ini kerana penggunaan media sosial dilihat begitu demokratik dan bebas dalam menentukan sebarang penontonan yang dipilih. Penontonan yang bersifat sentrik ini boleh mengakibatkan rancangan dokumentari hybrid seperti docudrama hanya ditonton berdasarkan pilihan tertentu tanpa mendapat penontonan secara menyeluruh oleh penonton.

Charmain (2019) turut menjelaskan bahawa wujudnya perbezaan ketara terhadap penontonan aktif atau Prosumers yang dilihat begitu mudah dan bebas untuk memilih sesuatu kandungan yang bersifat komersial. Penontonan berbentuk aktif ini dilihat akan menyukarkan sebarang kawalan terhadap sebarang penyiaran yang dikongsi kedalam platform media sosial. Dalam keadaan ini penonton dilihat bukan hanya sebagai penonton malahan dalam masa yang sama mereka juga dinilai sebagai penerbit yang sering kali bebas untuk menerbitkan kandungan mereka sendiri. Dengan itu maka karya televisyen yang ditayang semula mungkin hanya terbatas kepada penonton yang pasif yang hanya minat kepada penontonan perkongsian dari penerbit semata-mata berbanding dikalangan pengguna media sosial yang aktif menghasilkan kandungan mereka sendiri.

Perbezaan Budaya

Perbezaan budaya memberi kesan ketara kepada kandungan dan tingkah laku pengguna media sosial. Hsu et al. (2021) mendapati bahawa pengguna cenderung untuk menghasilkan kandungan yang sejajar dengan nilai budaya mereka, tetapi lebih dipengaruhi oleh kandungan yang melanggar nilai tersebut. Dengan ini menyerlahkan perbezaan dalam penggunaan media sosial dan tingkah laku privasi antara budaya Barat dan Timur, dengan negara Eropah mempamerkan tingkah laku yang lebih terkawal.

Dalam keadaan ini cabaran yang jelas dihadapi tidaklah kepada perbezaan budaya dalam bentuk kandungan namun perbezaan budaya lebih bersifat budaya penggunaan penontonan yang dilihat amat berbeza dari segi pengguna media konvensional seperti televisyen yang

dilihat tidak begitu aktif dalam mengawal sebarang kandungan berbanding penonton pengguna media sosial.

Selain daripada itu, kajian yang dilakukan oleh Zhao et al. (2022) mendapati bahawa identiti budaya memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk cara individu dari pelbagai latar belakang budaya terlibat dalam penggunaan media sosial. Kajian ini membawa pemahaman yang lebih dalam mengenai kompleksiti dalam corak penggunaan media sosial, dengan menekankan kepelbagaian faktor budaya yang turut mempengaruhi cara individu berinteraksi dan bertindak di dalam ruang digital. Melalui penelitian terhadap aspek perbezaan identiti budaya, kajian ini memberi penekanan tentang keperluan untuk mengambil kira perbezaan budaya dalam melihat fenomena penggunaan media sosial secara global.

Kandungan Komersial vs Semasa

Penerimaan kandungan konvensional yang bersifat komersial dilihat antara cabaran yang dihadapi bagi industri television dalam usaha menghasilkan kandungan tayang semula melalui media sosial. Ini kerana terdapat beberapa faktor yang harus dikenal pasti antaranya dari segi budaya kandungan media sosial yang dilihat lebih ringkas dan menentang norma penerbitan kandungan komersial. Kualiti penerbitan juga dilihat berbeza terutamanya dari segi durasi masa penerbitan yang dilihat tidak sama. Pengguna media sosial lebih terarah kepada penonton bersifat video pendek berbanding video yang mengambil masa durasi yang Panjang. Ini disokong dari pandangan yang dikemukakan oleh Ojomo dan Soedinde (2021) penggunaan video skit atau video pendek dilihat menjadi tren baharu dikalangan pengguna media sosial. Ini terutamanya dalam kandungan yang mempunyai unsur drama atau komedi.

Malah menurut Kuyucu (2019), platform media sosial seperti YouTube telah mencipta cabaran baru bagi rangkaian televisyen dalam penyediaan kandungan komersial untuk platform digital.

Perubahan ini menandakan transformasi penting dalam perilaku penonton terhadap media, mendorong industri television untuk menyesuaikan diri dengan perubahan ini. Kajian Kuyucu (2019) ini menekankan dinamik yang berubah diantara penerimaan penonton terhadap kandungan yang diterbitkan melalui platform media sosial YouTube dan televisyen tradisional, menyoroti pengaruh semakin meningkat media sosial terhadap tabiat penggunaan kandungan, terutamanya dalam kalangan demografi yang lebih muda.

Berdasarkan pandangan diatas, penayangan semula dokudrama melalui platform media sosial dilihat mempunyai potensi untuk dikembangkan. Namun demikian tren penerbitan video berdurasi pendek harus diberi perhatian memandangkan ianya berkait rapat dengan penonton aktif yang wujud dikalangan penonton media sosial. Ini seperti yang diutarakan oleh Hu (2020) yang mengatakan bahawa penerbitan video pendek melalui platform media bersifat konvergen amat penting kerana selain dari tren penonton ianya juga disebabkan sifat media sosial yang dilihat menggabungkan pelbagai elemen media dibawah satu platform.

Faktor Lain Dan Kesimpulan

Terdapat faktor lain yang dapat dilihat menjadi sebahagian dari cabaran menerbitkan kandungan genre dokudrama sebagai satu bentuk tayangan semula ke platform media sosial iaitu antaranya berkaitan dengan hak cipta kandungan itu sendiri yang dilihat akan mengakibatkan sebarang penerbitan komersial dari syarikat televisyen tidak dapat dikawal memandangkan ianya begitu mudah untuk dikongsi dan disunting oleh pengguna media sosial. Walaupun terdapat sekatan dan kawalan dari sesetengah platform media sosial namun keadaan

ini sedikit sebanyak akan mengakibatkan pengguna media sosial yang juga penonton aktif kurang memberi perhatian kepada kandungan tayang semula tersebut.

Faktor penayangan semula juga akan mengakibatkan ketepuan penontonan iaitu karya bersifat tayangan semula ini merupakan tayangan yang disifatkan sebagai bertindan dan mengulangi penontonan penonton terutamanya kepada pengguna media konvensional yang juga pengguna media sosial. Dengan itu maka kajian mendalam harus dilakukan dalam usaha memahami sejauhmana konsep tayangan semula kandungan televisyen komersial ini berfungsi dan mendapat sambutan dari pengguna media sosial terutamanya generasi baharu yang lebih terdedah kepada penggunaan teknologi media hiburan baharu.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian naratif literatur ini terdapat beberapa perkaitan yang jelas dalam memahami isu dan cabaran penerbitan 'tayang semula' terutamanya dokumentari berdasarkan perbincangan yang dinyatakan. Rancangan seperti dokumentari harus diterbitkan sebagai sebuah kandungan berbentuk hybrid atau kacukan. Ini bagi memastikan ianya dapat diterbitkan dalam platform media sosial. Namun begitu konsep penerbitan media sosial harus difahami dalam usaha menerbitkan rancangan dokumentari dibawah platform media baharu. Selain itu juga kajian naratif ini juga menyarankan pentingnya memahami audien media sosial dan pola penggunaan audien media sosial. Justeru dalam memahami perkaitan kepada perbincangan berdasarkan kajian literatur ini maka ianya harus dipertimbangkan dalam usaha memahami cabaran yang akan berlaku melalui tema cabaran yang dinyatakan iaitu, penerimaan penonton media baharu, perbezaan budaya penontonan, pertembungan kandungan komersial dan semasa dan factor lain yang memerlukan kepada kajian mendalam yang bersifat eempirikal dan intrinsik.

Penghargaan

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini. Penghargaan turut diucapkan kepada Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas sokongan yang diberikan dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Andreana, N. (2020). Young People, Social Media, and Impacts on Well-being. School of Professional Studies. Retrieved from https://commons.clarku.edu/sps_masters_papers/44
- Arshed, N., & Danson, M. (2015). The literature review. Research methods for business and management: a guide to writing your dissertation, 31-49.
- Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (1995). The need to belong: Desire for interpersonal attachments as a fundamental human motivation. *Psychological Bulletin*, 117(3), 497-529
- Bieniek-Tobasco, A., McCormick, S., Rimal, R. N., Harrington, C. B., Shafer, M., & Shaikh, H. (2019). Communicating climate change through documentary film: Imagery, emotion, and efficacy. *Climatic Change*, 154, 1-18.
- Bojor, L. and Cırdei, A. (2022). The challenges of social media platforms. aspects of the social media war in ukraine 2014-2022. *Land Forces Academy Review*, 27(4), 296-301. <https://doi.org/10.2478/raft-2022-0037>
- Bruzzi, S. (2000), *New Documentary: A Critical Introduction*. Routledge.

- Brylla, C., & Kramer, M. (2018). Introduction: Intersecting cognitive theory and documentary film. *Cognitive Theory and Documentary Film*, 1-17.
- Charmaine, D. P. (2019). Prosumer engagement through story-making in transmedia branding. *International Journal of Cultural Studies*, 22(1), 175-192.
- Emilika, B. L. (2019). Konsep Naratif Dalam Film Dokumenter Pekak Kukuruyuk. *Jurnal Nawala Visual*, 1(1), 9-17
- Fair, G. and Wesslen, R. (2019). Shouting into the void: a database of the alternative social media platform gab. *Proceedings of the International AAAI Conference on Web and Social Media*, 13, 608-610. <https://doi.org/10.1609/icwsm.v13i01.3258>
- Hidayah, E. N., Rusnaini, R., & Winarno, W. (2016). Pengaruh Media Film Dokudrama Terhadap Minat Siswa Belajar Mendeskripsikan Sistem Pemerintahan Indonesia dan Peran Lembaga Negara. *Paedagogia*, 19(1), 90-101.
- Hsu, T. W., Niiya, Y., Thelwall, M., Ko, M., Knutson, B., & Tsai, J. L. (2021). Social media users produce more affect that supports cultural values, but are more influenced by affect that violates cultural values. *Journal of Personality and Social Psychology*, 121(5), 969.
- Hu, Y. (2020). Discussion on Short Video Production and Transmission Path in New Media Environment. *Probe - Media and Communication Studies*, 2(1), 18-21.
- Junco, R., Heiberger, G., & Loken, E. (2010). The effect of twitter on college student engagement and grades. *Journal of Computer Assisted Learning*, 27(2), 119-132. <https://doi.org/10.1111/j.1365-2729.2010.00387.x>
- Kuyucu, M. M. (2019). The transformation of Traditional TV to YouTube with Social Media and its Reflections in Turkey. *Archives of Business Research*, 7(1), 190-202.
- Mahoney, L. M., & Tang, T. (2016). *Strategic social media: From marketing to social change*. John Wiley & Sons.
- Mast, J. (2009). Documentary at a crossroads: reality tv and the hybridization of small-screen documentary. *Sociology Compass*, 3(6), 884-898. <https://doi.org/10.1111/j.1751-9020.2009.00242.x>
- Moe, H., Poell, T., & Dijck, V. J. (2016). Rearticulating audience engagement: Social media and television. *Television & New Media*, 17(2), 99-107.
- Mukherjee, D. (2022). a night of knowing nothing. *Film Quarterly*, 76(1), 11-22. <https://doi.org/10.1525/fq.2022.76.1.11>
- Nafsyah, A. S., Maulidyah, S. R., Nurlia, A. S., & Adhyanti, W. P. (2022). Analisis konten media sosial instagram by.u sebagai media penyebaran informasi & komunikasi. *MASSIVE: Jurnal Ilmu Komunikasi*, 2(2), 1. <https://doi.org/10.35842/massive.v2i2.57>
- Nchabeleng, G., Botha, C., & Bisschoff, C. (2018). The use of social media in public relations at non-governmental organisations in south africa. *Journal of Economics and Behavioral Studies*, 10(6(J)), 150-161. [https://doi.org/10.22610/jebis.v10i6\(j\).2605](https://doi.org/10.22610/jebis.v10i6(j).2605)
- Ojomo, O., & Sodeinde, O. A. (2021). Social media skits: Reshaping the entertainment experience of broadcast audience. *Sage Open*, 11(3), 21582440211032176.
- Ros, V., O'Connell, J., Kiss, M., & Noortwijk, A. (2018). Toward a cognitive definition of first-person documentary., 223-242. https://doi.org/10.1007/978-3-319-90332-3_13
- Runtiko, A. G. (2021). Kajian Literatur Naratif Pendekatan Teoritis Komunikasi Keluarga. *Jurnal Common*, 5(2), 134-143.
- Ruzian, M., Zinatul, A. Z., & Nurhidayah, A. F. (2019). Literasi Perundangan Media Baharu dalam Kalangan Belia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* Jilid 35(3) 2019: 372-389.
- Samer, Z. A. S. (2018). Analysis of Docudrama Techniques and Negotiating One's Identity in David Edgar's "Pentecost". *English Language Teaching*, 11(5), 14-23.

- Stsiashko, N. (2021). "The Image of the Holocaust in the Television Documentary Drama Trilogy 'The Chronicle of the Minsk Ghetto'". *Vestnik of Saint Petersburg University. Arts* 11, no. 1 (2021): 56–68. <https://doi.org/10.21638/spbu15.2021.104>
- Trihastutie, N. (2022). Docudrama genre to represent religious experience in obat malam and solusi tv program: a case study. *Lire Journal (Journal of Linguistics and Literature)*, 6(1), 71-87. <https://doi.org/10.33019/lire.v6i1.143>
- Zainab, Z. A. H., Dania, S. A., & Nurazmallail, M. (2019). "Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam" in *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 001-016.
- Zhao, W., Osman, M. N., Omar, S. Z., & Yaakup, H. S. (2022). Mediating role of cultural identity in the relationship between social media use intensity and social media use purpose among chinese international students in malaysia. *Studies in Media and Communication*, 10(2), 201. <https://doi.org/10.11114/smc.v10i2.5698>